

1984

PETALING JAYA, 25 OGOS (BERNAMA) --- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KESAL KERANA MASIH TERDAPAT SIKAP TIDAK AMANAH SEPERTI RASUAH DI NEGARA INI SUNGGUHPUN KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MENCEGAHNYA DAN MENERAPKAN KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DI KALANGAN RAKYAT.

MALAHAN KATA PERDANA MENTERI, KADANGKALA ADA DI KALANGAN MEREKA YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MENCEGAH RASUAH, TERLIBAT MEMECAH AMANAH.

+ TIAP-TIAP HARI KITA MENDENGAR BERLAKUNYA RASUAH DI NEGARA INI YANG BUKAN SAHAJA TERHAD KEPADA PEGAWAI KERAJAAN,+ KATA BELIAU DAN MENAMBAH,+INI ADALAH SATU BUKTI YANG SIKAP AMANAH TIDAK TERDAPAT DI KALANGAN MASYARAKAT.+

+ MASALAH KURANG AMANAH JUGA MELIBATKAN AHLI-AHLI POLITIK, PENIAGA DAN ORANG PERSAORANGAN,+ TAMBAHNYA SEMASA MELANCARKAN PERADUAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DI ANTARA SETESEN-SETESEN MINYAK DI SUBANG VIEW HOTEL DI SINI.

PERADUAN ITU YANG DIADAKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN 1984 TERBUKA KEPADA SEMUA SETESEN MINYAK DI SELURUH NEGARA YANG DIBAHAGIKAN KEPADA TUJUH ZON. --- LAGI

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM MENANAM SIFAT AMANAH, NEGARA TELAH PUN MEMPUNYAI UNDANG-UNDANG TERTENTU DAN MEMBERI KUASA KEPADA PARA PEGAWAI UNTUK MENGAWASI AGAR SIFAT ITU DIPURUK DI KALANGAN RAKYAT.

+MUNGKIN ADA YANG TERSINGGUNG DAN MERASA SAYA TIDAK PERLU MENYEBUT TENTANG TIDAK ADANYA AMANAH DI NEGARA INI. TETAPI DALAM MENJAGA SOAL AMANAH INI KITA BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH MALAHAN TIMBUL LINGKARAN SEBAB-AKIBAT DI MANA YANG DIHARAPKAN MENJAGA AMANAH PULA YANG MEMECAH AMANAH.+

YANG DEMIKIAN, DR. MAHATHIR MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA SEMUA PIHAK MENANAMKAN SIKAP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DALAM KEHIDUPAN SEHARI-HARI.

BELIAU PERCAYA JIKA NEGARA PENUH DENGAN MANUSIA YANG MENGAMALKAN SLOGAN +BCA+, MASALAH AKAN BERKURANGAN DAN KERAJAAN BOLEH MENGADAKAN PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN DENGAN JAYANYA.

+JIKA KITA MENGAMALKAN SIFAT AMANAH, IA AKAN MEMBAWA FAEDAH KEPADA DIRI SENDIRI DAN BUKAN MERUGIKAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

PERDANA MENTERI JUGA MAHU RAKYAT MENITIKBERATKAN SOAL KEBERSIHAN KERANA JIKA MEREKA SENDIRI MEJAGA BANDAR MASING-MASING, KERAJAAN TIDAK PERLU MENGADAKAN RAMAI PEKERJA UNTUK MENCUCI BANDAR DAN WANG YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMBAYAR GAJI MEREKA ITU BOLEH DIGUNAKAN UNTUK KEBAIKAN RAKYAT.

BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA, TERMASUK TUANPUNYA SETESEN MINYAK DAN KEDAI, MENJAGA KEBERSIHAN KERANA INI AKAN MENARIK MINAT ORANG RAMAI UNTUK MENGUNJUNGI PUSAT PERNIAGAAN MASING-MASING.

PENGERUSI JAWATANKUASA KECIL PERADUAN, ENCIK KAMARULZAMAN BAHADUN BERKATA PADA PERINGKAT PERTAMA, PARA PELANGGAN MENGHAKIMKAN STESEN MINYAK PILIHAN MEREKA DALAM BORANG-BORANG YANG DISIARKAN DALAM AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN SELAMA DUA MINGGU MULAI ISNIN INI.

DUA PULUH STESEN DARIPADA SETIAP ZON YANG DIPILIH OLEH PELANGGAN AKAN DIMASUKKAN KE PERINGKAT KEDUA YANG AKAN DIHAKIMKAN SECARA TELITI OLEH SATU PANEL PENGADIL. ---BERNAMA.